

01/01/2002

2002 disambut meriah

Othman Mamat; Mutazar Abd Ghani; Mohd Fuad Razali; Amir Mamat
KUALA LUMPUR, Isnin - Ratusan ribu rakyat di ibu kota dan beberapa bandar utama di seluruh negara, membanjiri beberapa tempat utama bagi menyambut tahun baru 2002 dengan penuh meriah dan warna-warni, malam ini.

Tumpuan utama lebih 300,000 warga kota ialah di Menara Berkembar Petronas (KLCC), Jalan Bukit Bintang, zon komersial Bangsar serta Dataran Merdeka bagi mengira detik jam 12 malam. Semua bangunan utama di sekitar bandar raya dihiasai lampu bagi memeriahkan lagi sambutan itu.

Sambutan meriah pelbagai kaum itu membuktikan masyarakat di negara ini terus mengekalkan kehidupan penuh harmoni dan ceria.

Petang tadi, lebih 50,000 menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri dan Krismas yang dianjurkan melalui program Pancawarna Malaysia, sempena sambutan tahun baru 2002.

Selepas itu, pengunjung menyaksikan pertunjukan kebudayaan, pertandingan karaoke, paluan rebana ubi dan tarian singa.

Di Jalan Bukit Bintang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di situ kira-kira jam 8.30 malam untuk menyaksikan pertunjukan orkestra dari Itali, hingga jam 11 malam.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengucapkan selamat tahun baru dan menyatakan kesyukuran kerana rakyat negara ini menyambutnya dalam keadaan aman berbanding di negara lain yang rakyatnya dalam pelbagai kesusahan termasuk mengalami peperangan.

Lebih 50,000 pengunjung menyaksikan orkestra dan pertunjukan bunga api di situ.

Beliau kemudian menyertai lebih 100,000 warga kota dan pelancong di Menara Berkembar Petronas, menyaksikan pelbagai acara seperti konsert dan pertunjukan bunga api.

Di Dataran Merdeka, Jalur Gemilang dinaikkan tepat jam 12 malam dan orang ramai menyanyikan lagu 'Negaraku'. Selepas itu pertunjukan bunga api berlangsung 10 minit. Mereka kemudian menyaksikan Konsert Tahun Baru 2002 yang tamat jam 1.30 pagi.

Walaupun hujan renyai-renyai sejak jam 10 malam, namun mereka tidak berganjak.

Di GEORGETOWN, lebih 50,000 orang membanjiri Padang Kota Lama untuk meraikan sambutan tahun baru 2002.

Pelbagai acara diadakan sementara menunggu detik 12 tengah malam 1 Januari 2002, termasuk persembahan tarian kebudayaan pelbagai kaum dan konsert Selamat Datang 2002 yang menampilkan beberapa kumpulan muzik serta artis jemputan.

Kemuncak acara sambutan ialah pertunjukan bunga api tepat jam 12 tengah malam.

Di MELAKA, lebih 50,000 pengunjung termasuk pelancong tempatan dan luar negara membanjiri Taman Melaka Raya, Bandar Hilir bagi memeriahkan sambutan tahun baru 2002.

Di samping hiburan persembahan artis terkemuka tanah air dan menyaksikan pertunjukan bunga api, detik 12 malam ini mencatat sejarah kerana siar kaki (Melaka Raya Walk) sejauh 3 kilometer dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Selain itu, cabutan nombor bertuah juga diadakan dengan menawarkan hadiah menarik seperti sebuah kereta Proton Iswara Aeroback 1.3s serta sebuah motosikal Modenas Jaguh.

Di JOHOR BAHRU, tradisi menyambut ketibaan tahun baru diteruskan dalam

suasana sederhana dengan beribu-ribu warga bandar raya ini membanjiri Dataran Bandaraya untuk menunggu detik 12 malam.

Cuaca yang agak baik memberi peluang lebih 10,000 warga Johor Bahru keluar bersama keluarga berkumpul di dataran itu sejak jam 11 malam.

Mereka berkumpul di pekarangan menara jam besar di Dataran Bandaraya untuk menghitung detik terakhir 2001 sebelum melangkah tahun baru.

Beberapa hotel dan kompleks beli-beli turut menjadi tumpuan orang ramai menyaksikan acara tertentu yang dianjurkan.

Di ALOR STAR, suasana meriah apabila lebih 7,000 pengunjung pelbagai kaum menyambut ketibaan tahun baru 2002 di Menara Alor Star.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, memenuhi detik jam 12 malam dengan menyambut kepulangan 22 peserta ekspedisi Jelajah Semenanjung Malaysia Selama 18 Jam Tanpa Henti menggunakan motosikal berkuasa tinggi, di pekarangan Hotel Concorde.

(END)